

CERPEN 'JAKET KULIT KIJANG DARI ISTANBUL'

Standard Pembelajaran

4.4.3 Mempersiapkan cerpen secara langsung dengan kreatif dan menarik.

SINOPSIS

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai untuk melengkapkan maksud rangkap syair.

kekurangan	senarai	burung merpati	puisi	menjemput
dimarahi	miskin	membeli-belah	menjual	pelancongan
rawatan	memujuk	ketat	dihina	didermakan

Seramai 30 orang menyertai rombongan (1) _____ ke Istanbul, Turki termasuk Mas. Sebelum ke sana, Mas telah menyediakan (2) _____ cenderamata yang ingin dibelinya untuk diberikan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan. Selain duit belanja USD300, sebanyak USD100 disediakan untuk perkara yang tidak dijangkakan seperti persembahan kebudayaan, (3) _____ segera jika ditimpa sakit dan membeli buku. Dia langsung tidak memasukkan jaket kulit kijang ke dalam senarai perancangan belanjawannya.

Encik Yuksel, pemandu pelancong telah memberikan panduan (4) _____ di Grand Bazar supaya tidak ditipu penjual. Mas dan kumpulannya berjalan-jalan hingga tiba di sebuah kedai menjual jaket kulit. Pekedai itu (5) _____ mereka masuk dan melayan mereka dengan ramah. Penjual itu menyuruh Mas untuk mencuba jaket itu sambil (6) _____ Mas supaya membelinya.

Mas (7) _____ oleh pekedai itu apabila enggan membeli sehelai jaket kulit yang telah dicubanya. Mas juga telah dihalang untuk keluar dan (8) _____ sebagai Muslim yang tidak baik. Peristiwa itu menyebabkan perasaan Mas terganggu. Semasa dalam perjalanan pulang ke Hotel Senator yang menjadi penginapan mereka, Mas membaca (9) _____ tulisan Melvana Celaledin yang menyeru setiap orang perlu dilayan sebaik bicara.

Pada hari keenam, mereka melawat Egyptian Market, sebuah tempat membeli-belah yang mempunyai dataran (10) _____ jinak seperti Trafalgar Square. Mas membeli sepiring makanan burung merpati dan bersedekah kepada wanita tua yang menjual makanan burung itu. Shahmeem membeli sehelai jaket kulit kijang dari pasaran gelap, malangnya jaket itu (11) _____ setelah dicuba kerana saiznya yang kecil. Atas cadangan Kak Chah, Mas terpaksa membeli jaket itu dengan harga USD100. Akibatnya, Mas menghadapi masalah (12) _____ wang untuk membeli cenderamata yang dirancangnya.

Mas sedar bahawa dia tidak memerlukan jaket kulit kijang itu. Oleh itu, dia berhasrat untuk (13) _____ jaket tersebut kepada sebuah kedai pakaian terpakai di tanah air. Wang jualan itu akan (14) _____ kepada pihak zoo yang mempunyai kandang kijang. Mas amat sedar bahawa dia memiliki sifat humor dan lebih suka hidup seperti orang (15) _____ meskipun dia mempunyai wang.

LATAR TEMPAT

Berdasarkan gambar dan contoh peristiwa yang diberikan, tulis latar tempat yang sesuai.



(a) _____
Tempat yang menghimpunkan 6000 kedai pelbagai barangan. Mas dimarahi penjual jaket kulit kijang kerana tidak membeli jaket yang telah dicubanya. (hal.67)



(b) _____
Mas membeli makanan burung merpati yang berharga LT1 dan membayar LT5 kepada wanita tua itu. Baki wang sebanyak LT4 disedekahkan kepadanya. (hal.76)



(c) _____
Mas dan rombongannya sedang beratur menaiki feri di selat ini sebelum didatangi seorang lelaki tua untuk menjual jaket kulit kijang. (hal.77)